

# UniMAP Tandatangani Perjanjian 'Passage to ASEAN'

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) berhasrat membantu menggerakkan mobiliti ASEAN di peringkat pengajian tinggi dengan memeterai perjanjian persefahaman dengan Sekretariat Passage to ASEAN, Rangsit University, Thailand. UniMAP yang diwakili oleh Brig. Jen. Datuk Prof. Dr. Kamarudin Hussin telah menandatangani perjanjian tersebut bersama wakil Rangsit University iaitu Jerome Schedlar, Penolong Presiden bagi Hal Ehwal Antarabangsa bertempat di Hotel Renaissance, Kuala Lumpur pada 8 November 2013 lalu. Di samping itu, pihak UniMAP dan RSU juga membincangkan cadangan kerjasama akademik dan pembangunan staf serta pelajar. Di majlis tersebut, Naib

Canselor juga menerima pelantikan sebagai Jawatankuasa Pemandu bagi program P2A tersebut.

Passage to ASEAN (P2A) merupakan program kerjasama di antara universiti-universiti di negara ASEAN yang bertujuan menggalakkan pergerakan pelajar di rantau ini beserta memberi pendedahan silang budaya kepada mereka. Program ini adalah sejajar dengan hasrat untuk merealisasikan komuniti ASEAN yang berteraskan Keselamatan, Ekonomi dan Kebudayaan.

